

PM tegaskan persekitaran kondusif di Malaysia tarik pelabur Australia

Politik stabil, kejelasan dasar antara fokus kerajaan di bawah kepimpinan Anwar

Melbourne: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kestabilan politik, kejelasan dasar serta tadbir urus baik dalam mewujudkan persekitaran kondusif bagi pelaburan serta pertumbuhan ekonomi, penting untuk menarik pelabur dan komuniti perniagaan Australia serta ASEAN ke Malaysia.

Sejajar misi meraih perhatian pelabur dan perniagaan Australia serta ASEAN pada acara Persidangan Invest ASEAN di sini, semalam, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata di bawah kepimpinan beliau, Malaysia berada dalam keadaan stabil dan kukuh.

“Menerusi kestabilan politik ini, kita memberi tumpuan terhadap tadbir urus yang baik. Selain itu, wujud kejelasan dasar iaitu perancangan serta keuta-

maan yang lebih jelas,” katanya di hadapan barisan hadirin antarabangsa yang menghadiri acara berkenaan.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan rasmi ke Australia pada 4-7 Mac ini atas jemputan rakan sejawatannya, Perdana Menteri Anthony Albanese.

Selain itu, Anwar berkata kerajaan menyedari dalam usaha memacu ekonomi, apa yang penting adalah menyejajarkan kadar keutamaan, sebagai contoh, dalam aspek transformasi digital.

“Kita komited untuk mengambil apa juga langkah wajar bagi memastikan ini dapat direalisasikan,” kata beliau.

Percepat proses

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menegaskan peranan kerajaan tidak hanya sebagai menyediakan kemudahan berkaitan, tetapi juga membabitkan aspek mempercepat proses serta berupaya mengenal pasti soal keutamaan.

“Bagi saya, isu dengan kerajaan ialah ada kalanya kita (menganggap) seperti tahu semua perkara.

“Atas alasan inilah, saya katakan kepada rakan dalam Jemaah Menteri bahawa walaupun kita



Anwar menyampaikan ucpatama pada Persidangan Invest ASEAN 2024, di Melbourne, semalam. (Foto BERNAMA)

telah menggariskan kejelasan dasar ini dari segi peralihan tenaga, kita juga perlu memikirkan mengenai masa depan,” kata beliau.

Menjawab pertanyaan mengenai dana kekayaan negara, Anwar menjelaskan walaupun dana itu secara teknikal di bawah

kawalan kerajaan, aspek seperti keputusan perniagaan yang diambil Khazanah Nasional dan PETRONAS yang dipengerusikan beliau semata-mata berasaskan matlamat perniagaan.

“Biarpun secara teknikalnya saya mempengeruskannya, saya

menyatakan dengan jelas. Keputusan itu, keputusan perniagaan adalah berdasarkan garis panduan dasar.

“Keputusan perniagaan mesti dibuat oleh mereka dalam bidang itu, kalangan pakar,” katanya.

BERNAMA